

Bil. S 36

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGGAJ 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(PEMINDAHAN DAN IMMOBILISASI KENDERAAN), 2000**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (1) bab 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

PERMULAAN

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Pemindahan dan Immobilisasi Kenderaan), 2000 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Jun, 2000.

Tafsiran.

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini —

"alat immobilisasi" bermakna sebarang alat atau perkakas dari jenis yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Polis yang direkabentuk atau disesuaikan untuk dipasang kepada sebarang bahagian suatu kenderaan bagi maksud mengelakkan kenderaan itu dari dipandu ataupun sebaliknya digerakkan;

"peruntukan yang berkaitan" bermakna sebarang peruntukan Akta tersebut atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

- (2) Kecuali dalam peraturan 5, "kenderaan" termasuk sebarang muatan yang dibawa di atasnya.

PEMINDAHAN KENDERAAN

Pegawai polis boleh menghendaki tuan punya, dll., untuk memindahkan kenderaan.

3. Jika suatu kenderaan —

- (a) rosak, atau telah diletakkan atau dibenarkan untuk berhenti, di atas jalan raya dalam kedudukan, dalam keadaan atau dalam hal keadaan yang akan menyebabkan halangan kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan raya atau yang mungkin menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang itu; atau

- (b) telah diletakkan atau dibenarkan untuk berhenti di atas jalan raya dengan melanggar sebarang peruntukan yang berkaitan,

seseorang pegawai polis boleh menghendaki tuan punya, pemandu atau orang lain yang mengawal atau bertanggungjawab terhadap kenderaan itu supaya memindahkannya atau mengaturkan supaya kenderaan itu dipindahkan.

Kuasa pegawai polis untuk memindahkan kenderaan.

4. (1) Jika didapati oleh seseorang pegawai polis bahawa suatu kenderaan —

- (a) rosak, atau telah diletakkan atau dibenarkan untuk berhenti, di atas jalan raya dalam kedudukan, dalam keadaan atau dalam hal keadaan yang akan menyebabkan halangan kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan raya atau yang mungkin menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang itu;
- (b) telah diletakkan atau dibenarkan untuk berhenti di atas jalan raya dengan melanggar sebarang peruntukan yang berkaitan; atau
- (c) ternyata telah ditinggalkan di atas jalan raya,

dia boleh, tertakluk kepada peraturan kecil (2), mengambil semua langkah yang munasabah untuk memindahkannya atau mengaturkan supaya kenderaan itu dipindahkan oleh orang lain di bawah arahnya, dan jika perlu boleh mengadakan syarat bagi penahanan kenderaan itu.

(2) Kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai polis oleh peraturan kecil (1) tidaklah boleh dijalankan dalam hal sebarang kenderaan hanya kerana ia menyebabkan halangan, melainkan jika dia berpendapat bahawa, dengan memberi perhatian kepada semua hal keadaan dan takat halangan tersebut, kenderaan itu tidak sepatutnya berada di tempat ia diletakkan.

Bayaran pemindahan dan penyimpanan.

5. Sebarang kenderaan yang dipindahkan menurut peraturan 4 boleh ditahan oleh Pesuruhjaya Polis sehingga telah dibayar kepadanya —

- (a) bayaran pemindahan yang ditetapkan dalam Jadual; dan
- (b) bagi tiap-tiap tempoh dua puluh empat jam atau sebahagian daripadanya semasa kenderaan itu ditahan, tempoh tersebut hendaklah dikira mulai dari tengah hari pada hari selepas hari kenderaan itu ditahan, bayaran penyimpanan yang ditetapkan dalam Jadual,

dan semasa penahanan tersebut kenderaan itu hendaklah terus berada atas risiko tuan punya.

IMMOBILISASI DAN PEMINDAHAN KENDERAAN

Kuasa pegawai polis untuk mencegah pemindahan.

6. Jika didapati oleh seseorang pegawai polis bahawa suatu kenderaan telah diletakkan atau dibenarkan untuk berhenti di atas jalan raya dengan melanggar sebarang peruntukan yang berkaitan, dia boleh mencegah pemindahan kenderaan itu tanpa persetujuannya dengan memasang, atau membenarkan orang lain untuk memasang, pada kenderaan itu suatu alat immobilisasi.

Notis berkenaan dengan pelepasan kenderaan.

7. (1) Jika suatu alat immobilisasi telah dipasang pada suatu kenderaan, pegawai polis yang memasangnya, atau membenarkan pemasangannya, hendaklah dengan serta-merta memberi notis secara bertulis kepada tuan punya, pemandu atau orang lain yang mengawal atau bertanggungjawab terhadap kenderaan itu tentang prosedur yang dengannya dan masa dia boleh mendapat pelepasan kenderaan itu, dan notis tersebut boleh disampaikan dengan melekatkannya pada cermin depan atau mana-mana bahagian lain kenderaan itu yang boleh dilihat.

(2) Tiada sesiapa pun boleh, tanpa kebenaran seseorang pegawai polis, memindahkan atau mengusik suatu notis yang dilekatkan pada suatu kenderaan di bawah peraturan kecil (1).

Pemindahan kenderaan yang telah dipasang dengan alat immobilisasi.

8. Jika tuan punya, pemandu atau orang lain yang mengawal atau bertanggungjawab terhadap suatu kenderaan yang telah dipasang dengan suatu alat immobilisasi tidak mendapat pelepasan kenderaan itu dalam masa yang ditentukan dalam notis itu, seseorang pegawai polis boleh mengambil semua langkah yang munasabah untuk memindahkan kenderaan itu atau mengaturkan supaya kenderaan itu dipindahkan oleh orang lain di bawah arahnya, dan jika perlu boleh mengadakan syarat bagi penahanan kenderaan itu.

Pemindahan kenderaan atau pembukaan alat immobilisasi dengan menyalahi undang-undang.

9. Tiada sesiapa pun boleh, tanpa kebenaran seseorang pegawai polis —

- (a) memindahkan sebarang kenderaan dari mana-mana tempat di mana kenderaan itu telah ditahan; atau
- (b) membuka suatu alat immobilisasi yang dipasang pada sebarang kenderaan menurut Peraturan-Peraturan ini.

Bayaran bagi pelepasan kenderaan yang telah dipasang dengan alat immobilisasi.

10. (1) Tertakluk kepada peraturan kecil (2), sebarang kenderaan yang telah dipasang dengan suatu alat immobilisasi tidaklah boleh dilepaskan sehingga telah dibayar kepada Pesuruhjaya Polis, suatu bayaran sebanyak tiga ratus lima puluh ringgit.

(2) Jika kenderaan tersebut kemudiannya telah dipindahkan menurut peraturan 8, kenderaan itu tidaklah boleh dilepaskan sehingga telah dibayar kepada Pesuruhjaya Polis, selain dari bayaran yang disebut dalam peraturan kecil (1) —

- (a) bayaran pemindahan yang ditetapkan dalam Jadual; dan
- (b) bagi tiap-tiap tempoh dua puluh empat jam atau sebahagian daripadanya semasa kenderaan itu ditahan, tempoh tersebut hendaklah dikira mulai dari tengah hari pada hari selepas hari kenderaan itu ditahan, bayaran penyimpanan yang ditetapkan dalam Jadual,

dan semasa penahanan tersebut kenderaan itu hendaklah terus berada atas risiko tuan punya.

RAMPAIAN

Cara memindahkan kenderaan.

11. Seseorang pegawai polis, atau mana-mana orang lain dengan kebenaran seseorang pegawai polis, yang memindahkan suatu kenderaan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh berbuat demikian dengan menarik atau memandunya, atau dengan cara lain sebagaimana yang mungkin difikirkannya perlu.

Penjualan atau pelupusan kenderaan.

12. (1) Jika suatu kenderaan yang telah dipindahkan dan ditahan oleh Pesuruhjaya Polis, atau yang telah dipasang dengan suatu alat immobilisasi, menurut Peraturan-Peraturan ini, tidak dituntut oleh tuan punya kenderaan itu dalam masa tiga bulan dari tarikh penahanan atau immobilisasi tersebut, maka Pesuruhjaya Polis boleh, setelah memberi notis tidak kurang dari satu bulan dalam *Warta Kerajaan*, dan secara bertulis kepada tuan punya (jika nama dan alamatnya diketahui olehnya), mengaturnya supaya kenderaan itu dijual secara lelongan awam ataupun sebaliknya dilupuskan.

(2) Hasil dari penjualan atau pelupusan tersebut hendaklah digunakan untuk membayar sebarang bayaran yang ditanggung dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan, atau yang kena dibayar di bawah, Peraturan-Peraturan ini, dan sebarang lebihannya, hendaklah dibayar kepada tuan punya atau, jika tidak dituntut olehnya dalam masa satu tahun, hendaklah dirampas menjadi hak Kerajaan.

Kesalahan.

13. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari dua ribu ringgit atau

dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu bulan jika ingkar membayar.

Pemansuhan S 312/68.

14. Aturan-Aturan Pemindahan Kenderaan, 1968 adalah dimansuhkan.

JADUAL

(peraturan-peraturan 5 dan 10(2))

BAYARAN PEMINDAHAN DAN PENYIMPANAN

Jenis Kenderaan	Bayaran Pemindahan	Bayaran Penyimpanan
Kenderaan bermotor yang tidak melebihi dari 6,720 lbs.	\$150	\$50
Kenderaan bermotor yang melebihi dari 6,720 lbs.	\$350	\$100
Motosikal	\$75	\$25.

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1421 bersamaan
dengan 11 haribulan Mei, 2000.

PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN
DATO SERI SETIA AWANG HAJI ZAKARIA BIN
DATU MAHAWANGSA AWANG HAJI SULAIMAN
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.